



04 SEP, 2022

## Tarik balik sekatan eksport ayam perlu kajian teliti

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# Tarik balik sekatan eksport ayam perlu kajian teliti

## Kementerian pastikan bekalan dalam negara tidak terjejas

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Jasin:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak terburu-buru untuk membuat keputusan membenarkan pengeksporan ayam ke luar negara meskipun bekalan bagi pasaran tempatan lebih daripada mencukupi.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pihaknya sedang meneliti beberapa aspek sebelum kelulusan kebenaran mengekspor bekalan itu dikeluarkan, termasuk mahu memastikan bekalan untuk rakyat negara ini tidak terjejas.

Justeru, katanya, cadangan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi supaya pengeksporan ayam boleh dilakukan bermula Oktober ini adalah yang terbaik, namun perlu menunggu keputusan rasmi kerajaan tidak lama lagi.

“Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi sudah buat ketetapan keputusan sama ada boleh mengekspor bekalan ayam ke luar



Ahmad (dua dari kiri) menyampaikan peralatan mesin kepada usahawan tempatan di Bandar Baru Merlimau Utara, semalam.

(Foto Amir Mamat)

negara atau sebaliknya adalah pada Oktober ini.

“Ia (keputusan) akan dibuat selepas kita dapat memastikan bekalan untuk pasaran tempatan benar-benar mencukupi,” kata-

nya selepas menyampaikan bantuan barangan perniagaan kepada usahawan tempatan di Bandar Baru Merlimau Utara, di sini, semalam.

Terdahulu, Ahmad yang juga

Ahli Parlimen Jasin merasmikan Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) peringkat negeri anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Jalan Kilang Berapi, Merlimau di sini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Aziz; Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Wira Ghazale Muhammad dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

### Eksport ayam kampung

Ahmad berkata, setakat ini hanya bekalan ayam kampung dibenarkan untuk diekspor ke Singapura dengan jumlah yang agak kecil.

Namun, katanya, kebenaran itu tidak menjejaskan bekalan di pasaran tempatan.

Sebelum ini, penternak ayam meminta kerajaan menarik balik sekatan pengeksporan secara berperingkat berikutan situasi lambakan haiwan ternakan itu ketika ini, sekali gus menjejaskan golongan terbabit.

Pada 1 Jun lalu, MAFI melaksanakan sekatan eksport ayam membatalkan bekalan sebanyak 3.6 juta ekor sebulan, sebagai sebahagian langkah intervensi untuk mengukuhkan sekuriti bekalan makanan negara yang bertujuan menyumbang kestabilan harga makanan.



04 SEP, 2022

## Tarik balik sekatan eksport ayam perlu kajian teliti

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kementerian pastikan bekalan dalam negara tidak terjejas

Jasin: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak terburu-buru untuk membuat keputusan membenarkan pengeksportan ayam ke luar negara meskipun bekalan bagi pasaran tempatan lebih daripada mencukupi. Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pihaknya sedang meneliti beberapa aspek sebelum kelulusan kebenaran mengeksport bekalan itu dikeluarkan, termasuk mahu memastikan bekalan untuk rakyat negara ini tidak terjejas.